

06/06/2001

Mesyuarat khas Umno Baling tiada masalah

BALING, Selasa - Mesyuarat khas Umno Bahagian Baling di sini malam tadi lancar walaupun tanpa kehadiran timbalan, naib dan tujuh ahli jawatankuasa yang menang pada persidangan perwakilan, April lalu.

Mesyuarat di pejabat Umno bahagian selama tiga jam dipengerusikan Ketua Umno bahagian, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman yang dilantik Majlis Tertinggi (MT) menggantikan Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan kerana terbabit dalam politik wang ketika pemilihan.

Difahamkan mereka yang tidak hadir adalah penyokong Zainol kerana tidak puas hati dengan pelantikan Raja Ariffin menerajui Umno bahagian berkenaan.

Mereka ialah Timbalan Ketua, Ismail Bakar dan Naib Ketua, Halim Harun serta Wan Mahmud Wan Ibrahim, Mohd Hazam Othman, Othman Md Noor, Zulkifli Yaakub, Mohd Rosli Md Daud, Othman Mahmud dan Ibrahim Ismail.

Wan Mahmud yang mendakwa mewakili 114 ketua cawangan baru-baru ini menghantar surat bantahan pelantikan Raja Ariffin kepada Persiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Empat ahli jawatankuasa bahagian yang tidak hadir dengan bersebab ialah Ketua Pemuda, Harun Abdul Aziz; Ramli Wanok, Azmi Che Hussain dan Abdul Ghani Mahmud.

Mereka yang hadir ialah Sofiah Abdul Rahman yang juga ketua wanita, Ahmad Saudi Mahmud, Syed Mustaffa Syed Mahmood, Abu Hassan Abdul Rahman, Razali Hanafiah, Shuib Sudin, Kasim Awang, Zamri Lazim, Mohd Khair Md Noor, Abdul Wahab Din dan Fozi Abdul Rahman.

Raja Ariffin ketika ditemui berkata, mesyuarat khas itu bertujuan memperkukuhkan perpaduan di kalangan ahli jawatankuasa supaya kembali melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Beliau yang enggan mengulas ketidakhadiran ahli jawatankuasa terbabit bersyukur mesyuarat dapat diadakan secara baik bagi membincangkan beberapa perkara penting demi Umno dan Melayu.

"Saya tidak tahu kenapa mereka tidak hadir, sedangkan surat jemputan telah dihantar dan ada antaranya dihubungi melalui telefon oleh setiausaha kerja Umno bahagian.

"Pelantikan saya telah diputuskan MT dan saya perlu akur untuk menjalankan tanggungjawab parti. Saya terpaksa memikul mandat bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk Umno dan Melayu," katanya.

Mengulas tindakan 114 ketua cawangan umno menghantar surat bantahan, beliau berkata apa yang dilakukan jurucakap kumpulan itu tidak mengikut peraturan dan prosedur yang betul.

Sementara itu, di Alor Star, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata Umno negeri sedang berusaha menyelesaikan isu pelantikan Raja Ariffin.

Katanya, Umno negeri juga sudah meminta Zainol berusaha mengukuhkan semula perpaduan di kalangan ahli dan pemimpin Umno bahagian itu.

Beliau berkata Zainol akan memulakan tugas menyelesaikan masalah itu selepas cutinya tamat sehari dua lagi.

"Kita berharap Umno Baling mematuhi keputusan MT," katanya.

(END)